- c. **Orang Yang Diinsuranskan** mesti mematuhi semua keperluan agensi penyewaan di bawah perjanjian sewa, syarikat insurans yang menawarkan polisi insurans motor untuk kereta sewaan serta undang-undang dan peraturan negara lawatan (termasuk Malaysia); dan
- d. Kereta tersebut mesti disewa dan dipandu oleh **Orang Yang Diinsuranskan** atau mana-mana **Ahli Keluarga Terdekat Orang Yang Diinsuranskan** yang memegang lesen yang sah untuk memandu kereta sewaan di negara lawatan dan dinamakan sebagai **Orang Yang Diinsuranskan** dalam **Jadual**.

Tuntutan **Anda** mesti disertakan dengan resit pembayaran rasmi.

Pengecualian yang berkuat kuasa atas Manfaat 27

- a. Kami tidak akan membayar sekiranya kehilangan atau kerosakan yang timbul daripada kegagalan **Orang Yang Diinsuranskan** untuk mematuhi mana-mana syarat yang disenaraikan dalam Manfaat ini;
- b. **Orang Yang Diinsuranskan** atau **Ahli Keluarga Terdekat** tersebut telah dilucutkan kelayakan dalam **Tempoh Insurans** oleh mana-mana perintah daripada mana-mana Mahkamah Undang-undang atau dilarang menyewa dan/atau memandu atas sebab mana-mana undang-undang, enakmen atau peraturan negara lawatan (termasuk Malaysia) atau
- c. Kehilangan atau kerosakan bukan disebabkan oleh **Kemalangan** yang melibatkan kereta sewaan.

MANFAAT 21– MANFAAT KANDUNGAN ISI RUMAH

Kami akan, dengan pembayaran atau pilihan cara **Kami**, melindungi **Orang Yang Diinsuranskan** melalui pengembalian semula atau pembaikan sehingga **Jumlah Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** bagi setiap isi rumah daripada kehilangan atau kerosakan fizikal **Kandungan Rumah** yang terkandung di dalam **Rumah Orang Yang Diinsuranskan** di Malaysia yang tidak dihuni semasa **Perjalanan** akibat kebakaran atau kecurian yang menggunakan kekerasan dan keganasan semasa **Tempoh Insurans**.

Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan kepada mana-mana harta yang diinsuranskan yang membentuk sebahagian daripada pasang atau set, liabiliti **Kami** tidak boleh melebihi sebahagian daripada nilai pasang atau set tersebut. **Kami** tidak akan bertanggungjawab terhadap nilai yang melebihi RM1000.00 untuk mana-mana satu barangan atau sepasang atau set barangan.

Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mempunyai Insurans Kandungan Isi Rumah, pampasan mestilah dibuat terlebih dahulu berdasarkan **Jumlah Diinsuranskan** bagi Insurans Kandungan Isi Rumah dan apabila jumlah yang diinsuranskan tersebut habis, baki amaun yang tidak dibayar pampasan (jika ada) akan dituntut kemudiannya di bawah Manfaat ini, sehingga **Jumlah Diinsuranskan** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**. **Kami** tidak akan membayar tuntutan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada atau berkenaan dengan atau disebabkan oleh apa-apa kehilangan atau kerosakan akibat tindakan sengaja **Anda** atau persekongkolan **Anda**.

PERKHIDMATAN KECEMASAN BAGI PEMINDAHAN DAN PENGHANTARAN PULANG

Pemindahan dan Penghantaran Pulang Kecemasan (selepas ini dirujuk sebagai EER) adalah berbeza dan bebas daripada skop perlindungan Insurans seperti yang diperuntukkan di dalam Polisi dan tertakluk pada peruntukan yang ditetapkan di bawah ini. **Kami** berhak untuk menyemak, menukar dan membatalkan mana-mana peruntukan

EER ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. EER menyediakan perkhidmatan seperti yang diterangkan berikut kepada **Orang Yang Diinsuranskan** untuk **Perjalanan Luar Negara**.

Skop Perkhidmatan

Perkhidmatan di bawah EER disediakan mengikut dan tertakluk pada terma dan syarat perjanjian yang ditandatangani antara Europ Assistance Services (Malaysia) Sdn Bhd (selepas ini dirujuk sebagai "EA") dan **Kami**. **Orang Yang Diinsuranskan** boleh menghubungi Talian Bantuan GEGM di Pusat Kecemasan **EA** melalui panggilan caj balikan/panggilan pindah bayaran 24 jam sehari, 365 hari (atau 366 hari, dalam tahun lompat) di mana-mana sahaja di dalam atau di luar Malaysia.

EER bermaksud perkhidmatan **EA** seperti yang diterangkan di bawah ini apabila **Orang Yang Diinsuranskan** melancong ke luar Malaysia atau **Rumah Orang Yang Diinsuranskan** untuk tempoh tidak melebihi sembilan puluh (90) hari berturut-turut dalam mana-mana satu **Perjalanan**.

- i. **Pemindahan Perubatan Kecemasan** - **EA** akan menguruskannya dan **Kami** akan membayar perbelanjaan pengangkutan udara dan/atau permukaan darat untuk memperoleh rawatan perubatan yang perlu, penjagaan perubatan semasa pengangkutan, komunikasi dan semua caj sampingan biasa yang dikenakan untuk memindahkan **Orang Yang Diinsuranskan** sekiranya **Keadaan Perubatan Serius** diperlukan di **Hospital** yang terdekat di mana rawatan perubatan yang sesuai tersedia dan tidak semestinya ke Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa**.

"**Keadaan Perubatan Yang Serius**" bermaksud keadaan, yang mana pada pendapat **EA** merupakan kecemasan perubatan yang serius yang memerlukan rawatan pemulihan segera untuk mengelakkan kematian atau kerosakan serius terhadap prospek kesihatan semasa atau jangka panjang **Orang Yang Diinsuranskan**. Keseriusan keadaan perubatan ini akan dinilai dalam konteks lokasi geografi **Orang Yang Diinsuranskan**, sifat kecemasan perubatan dan ketersediaan penjagaan atau kemudahan perubatan yang sesuai di tempat kejadian.

EA mempunyai hak mutlak untuk memutuskan sama ada Penyakit atau **Kecederaan Orang Yang Diinsuranskan** adalah cukup serius untuk mewajarkan pemindahan perubatan kecemasan. **EA** selanjutnya berhak untuk memutuskan tempat **Orang yang Diinsuranskan** akan dipindahkan dan cara atau kaedah pemindahan tersebut akan dijalankan dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang boleh dinilai dan disedari **EA** pada masa tersebut.

- ii. **Penghantaran Pulang Di Bawah Pengawasan Perubatan** - **EA** akan mengatur dan **Kami** akan membayar perbelanjaan yang perlu dan tidak dapat dielakkan dari segi perubatan untuk membawa balik **Orang Yang Diinsuranskan** ke Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa** selepas Pemindahan Perubatan Kecemasan untuk rawatan pesakit dalam ke suatu tempat di luar Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa**. **EA** berhak untuk memutuskan cara atau bagaimana penghantaran pulang tersebut akan dijalankan dengan mengambil kira semua fakta dan keadaan yang boleh dinilai dan disedari **EA** pada masa tersebut. **Negara Kediaman Biasa** bermaksud negara mastautin tetap sekiranya ia bukan Malaysia.

Nota: -Liabiliti maksimum untuk perkhidmatan Kecemasan bagi Pemindahan Perubatan dan Penghantaran Pulang Perubatan tidak boleh melebihi RM1,000,000.00 (Satu Juta Ringgit Malaysia) bagi setiap **Orang yang Diinsuranskan** setiap kejadian.

- iii. **Lawatan Ihsan** - Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital di luar Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa** selama lebih daripada 5 hari berturut-turut, **EA** akan mengatur dan **Kami** akan membayar tambang penerbangan pergi balik kelas ekonomi untuk salah seorang saudara atau rakan **Orang Yang Diinsuranskan** bagi menemani **Orang Yang Diinsuranskan**. **EA** juga akan mengaturkan penginapan saudara atau rakan tersebut tertakluk pada **Jumlah Diinsuranskan** mengikut seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**.
- iv. **Penghantaran Pulang Kanak-kanak Tanggungan** - Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** dimasukkan ke hospital di luar Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa** dan keadaan perubatan **Orang Yang Diinsuranskan** menghalang **Orang Yang Diinsuranskan** daripada menjaga anak-anaknya yang melancong bersama **Orang Yang Diinsuranskan**, **EA** akan mengatur dan **Kami** akan membayar tambang penerbangan sehalu kelas ekonomi untuk membawa pulang kanak-kanak (berumur enam belas (16) tahun dan ke bawah) ke Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa**.
- v. **Penghantaran Pulang Jenazah** - Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** meninggal dunia semasa dalam perjalanan ke luar Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa**, **EA** akan membantu untuk mendapatkan kebenaran

yang diperlukan dan akan mengatur penghantaran pulang jenazah atau tinggalan jenazah ke Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa**. Dengan permintaan bertulis daripada wakil sah **Orang Yang Diinsuranskan**, dan setakat yang mungkin, **EA** akan menguruskan pengebumian di negara atau tempat kematian berlaku. Kos yang ditanggung untuk perkhidmatan ini akan dibayar oleh **Kami** tetapi tidak melebihi RM1,000,000 (Satu Juta Ringgit Malaysia) bagi mana-mana seorang **Orang yang Diinsuranskan**.

- vi. **Rujukan Perubatan Melalui Telefon** - Atas permintaan, **EA** akan memberikan nama, alamat dan nombor telefon pakar perubatan (termasuk kedua-dua pengamal am dan pakar), **Hospital**, doktor gigi dan klinik pergigian. Apabila diminta, **EA** akan membantu untuk mengatur janji temu dengan tempat perubatan. Semua yuran perundingan dan perubatan yang dikenakan hendaklah ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

Nota: Panggilan sedemikian tidak ditafsirkan sebagai pengesahan diagnosis dan mesti dianggap sebagai nasihat sahaja.

vii. **Kemasukan ke Hospital**

- a. Sekiranya keadaan perubatan **Orang Yang Diinsuranskan** adalah serius sehingga memerlukan kemasukan ke hospital kecemasan, **EA** akan membantu **Orang Yang Diinsuranskan** dengan mengatur kemasukan ke **Hospital**.
- b. Semasa Kemasukan Hospital, doktor **EA** yang dilantik akan memantau keadaan **Orang Yang Diinsuranskan** dan memaklukkannya kepada ahli keluarga **Orang Yang Diinsuranskan**.
- c. Atas permintaan **Orang Yang Diinsuranskan** dan tertakluk pada **EA** untuk menerima jaminan pembayaran daripada **Orang Yang Diinsuranskan** atau ahli keluarganya, **EA** akan membantu dalam pengaturan jaminan pembayaran untuk Kemasukan **Hospital** dan perbelanjaan perubatan yang akan dikenakan semasa Kemasukan ke Hospital.

- viii. **Penghantaran Ubat-ubatan Yang Tidak Tersedia Secara Tempatan** - Walaupun **Orang Yang Diinsuranskan** berada di luar Malaysia atau negara mastautin biasa, **EA** akan menghantar ubat-ubatan yang diperlukan yang tidak tersedia di negara lawatannya sekiranya berlaku kecemasan dengan syarat peraturan tempatan membenarkan penghantaran sedemikian. Kos penghantaran dan kos ubat-ubatan akan ditanggung oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

- ix. **Maklumat Perjalanan Pra-lawatan** - **EA** akan memberikan maklumat mengenai keperluan Visa, inokulasi, pasport atau imunisasi negara asing di mana **Orang Yang Diinsuranskan** akan melawat.

- x. **Penemuan Kembali Barang Hilang** - **EA** akan membantu **Orang Yang Diinsuranskan** di lokasi kehilangan bagasi, dokumen dan barangan peribadi. Syarikat penerbangan, pihak berkuasa kerajaan dan pengeluar kad kredit adalah antara pihak yang akan dihubungi, jika perlu.

- xi. **Penyampaian Mesej Kecemasan** - Sekiranya berlaku kecemasan, **EA** akan mewujudkan saluran dalam negara atau antarabangsa untuk menyampaikan mesej kepada penerima yang ditetapkan.

- xii. **Pengaturan Penerbangan** - Sekiranya berlaku kecemasan kepada **Orang Yang Diinsuranskan**, **EA** akan membantu dalam pengaturan penerbangan pergi balik untuk ahli-ahli keluarga sekiranya mereka ialah teman perjalanan **Orang Yang Diinsuranskan**.

- xiii. **Rujukan Guaman** - Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** mencari bantuan guaman untuk kecemasan semasa berada di luar Malaysia, **EA** akan merujuk **Orang yang Diinsuranskan** kepada penasihat undang-undang tempatan. Semua kos pihak ketiga yang dikenakan akan ditanggung terus oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

- xiv. **Rujukan Jurubahasa / Penterjemah** - Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** memerlukan bantuan penterjemahan ketika kecemasan semasa perjalanan **Orang Yang Diinsuranskan** di luar Malaysia atau negara mastautin biasa, **EA** akan merujuk **Orang Yang Diinsuranskan** kepada penterjemah tempatan. Kos yang dikenakan akan ditanggung sepenuhnya dan secara langsung oleh **Orang Yang Diinsuranskan**.

Pengehadan

Kami tidak akan bertanggungjawab atas kegagalan untuk menyediakan perkhidmatan atau sebarang kelewatan yang disebabkan oleh mogok atau keadaan di luar kawalan **Kami**, termasuk tetapi tidak terhad kepada, keadaan penerbangan atau di mana agensi kawal selia undang-undang tempatan melarang **Kami** dan **EA** menyediakan perkhidmatan tersebut.

Pengecualian

Keadaan-keadaan berikut dikecualikan daripada EER:

- i. Pemindahan perubatan kecemasan, penghantaran pulang atau kos yang tidak diluluskan terlebih dahulu dan secara bertulis oleh **EA** dan/atau tidak diatur oleh **EA**.
- ii. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** melakukan perjalanan walaupun ia bertentangan dengan nasihat **Pengamal Perubatan**.
- iii. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** melakukan perjalanan untuk tujuan memperoleh rawatan perubatan atau untuk berehat dan memulihkan diri berikutan sebarang kemalangan atau penyakit terdahulu.
- iv. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** tidak mengalami **keadaan perubatan yang serius** atau sekiranya rawatan boleh ditangguhkan dengan munasabah sehingga **Orang yang Diinsuranskan** kembali ke Malaysia atau negara mastautin biasa.
- v. Penyertaan **Orang Yang Diinsuranskan** dalam sebarang konflik bersenjata (sama ada awam atau tentera), mogok, rusuhan atau kegemparan awam, penentangan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa tentera termasuk perkhidmatan dalam tentera atau mana-mana angkatan bersenjata mana-mana negara atau pihak berkuasa antarabangsa kecuali latihan askar simpanan masa keamanan.
- vi. Keadaan perubatan yang disebabkan oleh bahan senjata nuklear, sinaran pengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear.
- vii. Kegagalan **Orang Yang Diinsuranskan** untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah berikutan amaran melalui media massa tentang sebarang rancangan mogok, rusuhan atau kegemparan awam.
- viii. Kecederaan yang dilakukan sendiri, bunuh diri atau cubaan membunuh diri, kecelaruan mental atau psikiatri, ketagihan atau penyalahgunaan dadah, penyalahgunaan alkohol, penyakit kelamin, Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau sebarang keadaan atau penyakit yang berkaitan dengan AIDS.
- ix. Sebarang perbelanjaan yang timbul daripada bersalin, keguguran, kehamilan (kecuali kehamilan tidak normal atau komplikasi penting kehamilan yang membahayakan nyawa ibu dan/atau anak dalam kandungan).
- x. Sebarang perbelanjaan yang timbul daripada mana-mana jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan berjalan kaki), pameran sukan, terjun lelabah, mendaki gunung atau memanjat batu yang memerlukan penggunaan alat panduan atau tali, selam skuba, aeronautik atau aktiviti penerbangan kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pengangkut komersial atau persendirian yang berlesen wajar, dan semua sukan yang diamalkan sebagai profesion.
- xi. Sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat dalam atau mengambil bahagian dalam mana-mana perbuatan yang menyalahi undang-undang atau haram.
- xii. Penahanan, pemusnahan, rampasan oleh kastam atau pihak berkuasa kerajaan, pelanggaran peraturan kerajaan.
- xiii. Sebarang keadaan kesihatan yang menjadi salah satu sebab untuk melakukan perjalanan.
- xiv. Kos pengebumian di Malaysia atau **Negara Kediaman Biasa** bagi **Orang Yang Diinsuranskan**.

PERUNTUKAN KHAS YANG BERKUAT KUASA ATAS PERJALANAN DALAM DAN LUAR NEGARA

1. Fasal Kehilangan

Kami akan membayar **Jumlah Modal Diinsuranskan** bagi **Kematian Akibat Kemalangan**, sekiranya dalam **Tempoh Perlindungan**, **Orang Yang Diinsuranskan** hilang selepas berlakunya **Kemalangan** yang melibatkan pesawat udara atau di laut atau bencana alam dan jasad **Orang Yang Diinsuranskan** tidak dijumpai dalam tempoh satu (1) tahun selepas kehilangannya dan bukti yang mencukupi dikemukakan untuk kepuasan **Kami** yang menyebabkan **Kami** membuat kesimpulan bahawa **Orang Yang Diinsuranskan** telah meninggal dunia akibat kejadian dalam skop Polisi ini. Jika pada bila-bila masa selepas pembayaran manfaat ini telah dibuat oleh **Kami**, **Orang Yang Diinsuranskan** didapati hidup, bayaran tersebut akan

dikembalikan kepada **Kami** dengan segera.

2. FASAL PENDEDAHAN

Tertakluk kepada terma, had, syarat dan pengecualian Polisi ini, **Kami** akan membayar **Jumlah Modal Diinsuranskan** untuk **Kematian Akibat Kemalangan** sekiranya **Orang Yang Diinsuranskan**, selepas mengalami **Kecederaan** akibat kejadian yang diinsuranskan di bawah ini, dan terdedah kepada unsur-unsur alam semula jadi yang menyebabkan kematian **Orang Yang Diinsuranskan**. Adalah diisytiharkan dan dipersetujui bahawa sekiranya berlaku tuntutan bagi pampasan, ia hendaklah mempunyai pengesahan yang tertakluk kepada siasatan badan kehakiman di mana **Orang Yang Diinsuranskan** didapati telah meninggal dunia akibat pendedahan selepas mengalami **Kecederaan** akibat kejadian yang diinsuranskan.

PENGECUALIAN AM YANG BERKUAT KUASA ATAS SELURUH POLISI

Polisi ini tidak melindungi Kematian, Hilang Upaya, **Perbelanjaan Perubatan**, Kehilangan atau Kerosakan atau Liabiliti secara langsung atau tidak langsung yang diakibatkan oleh atau disebabkan oleh atau disumbangkan oleh atau berpunca daripada atau boleh dikesan sebagai atau akibat:

1. sebarang akibat daripada peperangan, pencerobohan, tindakan musuh asing, permusuhan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan tentera atau rampasan kuasa.
2. sebarang tindakan terorisme. Untuk tujuan ini, tindakan terorisme bermaksud perbuatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau keganasan dan/atau ancaman mengenainya, oleh mana-mana individu atau kumpulan individu, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau dalam hubungan dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau yang serupa termasuk niat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menimbulkan ketakutan kepada orang awam, atau mana-mana bahagian orang awam.
3. bahan senjata nuklear, sinaran pengion atau pencemaran oleh keradioaktifan daripada mana-mana bahan api nuklear atau mana-mana sisa nuklear hasil pembakaran termasuk sebarang proses pembelahan bahan api nuklear yang mampan diri.
4. sebarang **keganasan nuklear, kimia atau biologi**.
5. sebarang **Penyakit Sedia Ada**, kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental, kehamilan, bersalin, keguguran atau sebarang komplikasi yang berkaitan dengan kehamilan.
6. sebarang pembedahan elektif, kosmetik (estetik), plastik dan/atau pembedahan rekonstruktif dan rawatan yang berkaitan.
7. HIV (Virus Kurang Daya Tahan Manusia) dan/atau penyakit berkaitan HIV termasuk AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit) dan/atau sebarang derivatif mutan atau variasi yang timbul daripadanya.
8. pembunuhan atau serangan yang diprovokasi, mencederakan diri dengan sengaja, bunuh diri atau percubaan membunuh diri semasa siuman atau tidak siuman, kesan dadah kecuali jika diambil mengikut preskripsi oleh **Pengamal Perubatan** berdaftar untuk penyakit dan bukan untuk rawatan ketagihan dadah, atau jika **Orang yang Diinsuranskan** ialah pemandu atau penunggang yang berada di bawah pengaruh alkohol seperti yang ditetapkan oleh undang-undang.
9. **Orang Yang Diinsuranskan** terlibat atau mengambil bahagian dalam:
 - a. sukan musim sejuk, hoki ais, memancing di laut, berperahu atau berlayar melebihi lima (5) kilometer dari mana-mana garis pantai, selam skuba melainkan **Orang yang Diinsuranskan** ialah ahli kelab menyelam yang diiktiraf dan memegang lesen menyelam yang sah atau menyelam di bawah bimbingan pengajar selam profesional, pertandingan sukan permotoran, ujian kelajuan, ujian ketahanan atau sebarang jenis perlumbaan kecuali berjalan kaki, sukan profesional atau separuh profesional, mendaki gunung atau memanjat batu yang memerlukan penggunaan peralatan atau tali mendaki, merentas gunung/mengembara/berbasikal/bersiar-siar di dalam gua.
 - b. aktiviti di bawah, kecuali seperti yang diperuntukkan di bawah Manfaat 19 - Perlindungan Aktiviti Lasak, sekiranya **Anda** memilih untuk membeli Manfaat tersebut:

Aktiviti Musim Sejuk:

Berski, luncur papan salji, luncur tiub salji, luncur rakit salji, kenderaan salji, berjalan kaki di atas glasier.

Aktiviti Air:

Luncur air, selam skuba (Aktiviti bawah air yang melibatkan alat pernafasan buatan untuk menyelam sehingga kedalaman maksimum tiga puluh (30) meter ditemani seorang pengajar selam yang berkelayakan dengan sijil menyelam yang diiktiraf), snorkeling, luncur layang-layang, kayuh kanu, rakit redah jeram (dengan pemandu yang berkelayakan dan sehingga Gred 3 Skala Antarabangsa Kesukaran Sungai), ski air & papan gelombang, mendayung berdiri.

Aktiviti Gunung:

Merentas, mengembara, berbasikal gunung, bersiar-siar di dalam gua.

Aktiviti-aktiviti lain:

Terjun lelabah, terjun udara, bermain polo berkuda, lumba kuda berhalang, tinju, gusti, belon udara panas, hoki ais, memancing laut, go-kart, payung terjun, luncur angin, terjun udara, panjat batu atau cenuram dengan tangan kosong, memburu di luar sempadan Malaysia.

- c. sebarang aktiviti udara kecuali sebagai penumpang yang membayar tambang dalam pesawat yang disediakan dan dikendalikan oleh syarikat penerbangan yang berlesen untuk menyediakan pengangkutan biasa melalui laluan udara yang ditetapkan.
 - d. sebarang operasi lapangan yang dijalankan oleh tentera (tentera darat, tentera laut atau tentera udara), polis atau perkhidmatan sekuriti, ahli bomba, juruterbang atau anak kapal bagi syarikat penerbangan, atau pelombong di perlombongan mineral, sama ada secara sukarela atau sebaliknya.
 - e. Aktiviti jenayah atau haram.
2. **Orang yang Diinsuranskan** melakukan perjalanan yang bertentangan dengan nasihat Pengamal Perubatan.
 3. **Orang Yang Diinsuranskan** melakukan perjalanan untuk tujuan memperoleh rawatan perubatan atau untuk berehat dan memulihkan diri berikutan sebarang kemalangan atau penyakit terdahulu yang berlaku sebelum tarikh permulaan perlindungan.

SYARAT-SYARAT AM YANG BERKUAT KUASA ATAS SELURUH POLISI

1. **Berkomunikasi Dengan Kami**

Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Polisi ini mesti dihantar secara bertulis ke Ibu Pejabat **Kami** atau mana-mana Pejabat Cawangan **Kami**.

2. **Pengubahan**

Terma dan peruntukan Polisi ini mungkin diubah oleh **Kami** menurut sebarang perubahan perundangan, pengubahsuaian berkanun atau pindaan (termasuk keperluan, arahan atau garis panduan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia) atau dasar **Kami** sebagai tindak balas kepada piawaian pasaran dan perubahan semasa dalam strategi perniagaan, atau disebabkan oleh sebarang kemajuan dalam teknologi, atau untuk membetulkan sebarang kesilapan, jika difikirkan perlu dengan memberikan tiga puluh (30) hari notis terdahulu secara bertulis melalui pos biasa ke alamat terakhir **Anda** dalam rekod **Kami**, dan pindaan tersebut akan berkuat kuasa serta-merta pada pembaharuan Polisi seterusnya selepas notis bertulis terdahulu tiga puluh (30) hari tersebut tamat tempoh.

Tiada pindaan kepada Polisi ini akan sah melainkan dibenarkan oleh Syarikat dan kelulusan tersebut diendosnya.

3. **Pemilikan**

Kami hanya akan mengiktiraf **Anda** sebagai pemilik mutlak Polisi.

4. **Penipuan**

Kami boleh menolak tuntutan atau membatalkan Polisi ini atau melakukan kedua-duanya sekiranya **Anda** tidak jujur dan telus dalam membuat mana-mana kenyataan dalam borang cadangan dan pengakuan atau sekiranya tuntutan itu adalah satu penipuan atau dibesar-besarkan.

5. **Penjagaan Yang Munasabah**

Orang Yang Diinsuranskan mesti mengambil langkah yang munasabah untuk melindungi diri dan harta

bendanya daripada **Kemalangan, Kecederaan**, kehilangan dan/atau kerosakan.

6. Pembayaran Manfaat

- Pembayaran sebarang manfaat di bawah Polisi ini tertakluk kepada Definisi, Pengecualian dan semua terma dan syarat lain yang berkaitan dengan manfaat tersebut.
- Jika **Anda** bukan **Orang yang Diinsuranskan**, semua manfaat (termasuk **Jumlah Diinsuranskan** untuk **Kematian Akibat Kemalangan**) yang perlu dibayar di bawah Polisi ini akan dibayar kepada **Anda**, penerimaan **Anda** akan membebaskan **Kami** daripada semua liabiliti di bawah Polisi ini.
- Jika **Anda** adalah **Orang yang Diinsuranskan** dan sekiranya berlaku **Kematian Anda Akibat Kemalangan**, yang mana **Anda** mempunyai penama yang sah dengan atau tanpa pemegang amanah di bawah Polisi ini, pembayaran semua manfaat bagi **Kematian Akibat Kemalangan** akan dibuat mengikut peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau kepada wakil sah jika tiada penama yang dinamakan. Bagi **Orang yang Diinsuranskan** yang beragama Islam, pembayaran semua manfaat di bawah Polisi ini akan ditentukan oleh Undang-undang Syariah yang terpakai.

7. Kadar Pertukaran Mata Wang

Semua Manfaat di bawah Polisi ini perlu dibayar dalam Ringgit Malaysia. Bil perubatan atau bil-bil lain yang dikemukakan dalam mata wang asing akan ditukar kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang disebut (kadar pasaran terbuka jika pasaran bebas, kadar rasmi jika bukan pasaran bebas) pada tarikh terbitan bil.

8. Menguatkuasakan Hak Anda

Kami mungkin, atas perbelanjaan **Kami** dan atas nama **Anda** atau **Orang Yang Diinsuranskan**, mengambil sebarang langkah yang perlu untuk menguatkuasakan hak **Anda** atau mereka terhadap mana-mana orang lain sama ada sebelum atau selepas **Kami** membayar tuntutan.

9. Membatalkan Polisi Anda

- Jika Polisi dikeluarkan sebagai bukan Perjalanan Dua Hala (Perjalanan Pergi Balik), **Anda** boleh batalkan Polisi pada bila-bila masa tetapi sebelum berlepas untuk perjalanan dengan memberi notis bertulis kepada **Kami** dan dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa **Tempoh Insurans**, **Kami** akan kembalikan premium sepenuhnya kepada **Anda**.
- Jika Polisi dikeluarkan sebagai Polisi Tahunan, **Anda** boleh batalkan Polisi pada bila-bila masa sebelum atau selepas tarikh perlindungan bermula tetapi sebelum berlepas untuk **Perjalanan Anda** dalam **Tempoh Insurans** dengan memberi notis bertulis kepada **Kami** dengan syarat tiada tuntutan dibuat semasa **Tempoh Insurans**, **Kami** akan, tertakluk kepada penahanan/pemotongan minimum premium sebanyak RM50.00 (tidak termasuk Cukai Kerajaan) membuat pulangan bayaran premium untuk bahagian **Tempoh Insurans** yang belum digunakan pada kiraan kadar biasa jangka pendek **Kami** seperti berikut:

Tempoh Insurans Tidak Melebihi	Bayaran Balik Premium
1 bulan	3/4 daripada premium tahunan
2 bulan	5/8 daripada premium tahunan
3 bulan	1/2 daripada premium tahunan
4 bulan	3/8 daripada premium tahunan
6 bulan	1/4 daripada premium tahunan
8 bulan	1/8 daripada premium tahunan
Tempoh Melebihi 8 Bulan	Tiada Bayaran Balik Premium Dibenarkan

- Kami** juga boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari kepada **Anda** melalui surat berdaftar di alamat terakhir **Anda** yang **Kami** ketahui. Selepas pembatalan Polisi, **Kami** akan membayar balik premium yang sepadan dengan **Tempoh Insurans** yang belum tamat kepada **Anda**.

10. Remedi untuk salah nyata dalam kontrak insurans pengguna

10.1 Kami boleh membatalkan Polisi sekiranya sebarang salah nyata pra-kontrak yang dilakukan oleh **Anda** berkaitan dengan sebarang jawapan atau pendedahan dalam Borang Cadangan dan pengakuan **Anda**:-

- adalah salah nyata yang disengajakan atau secara melulu; atau

- b. adalah salah nyata yang cuai atau tanpa niat, tetapi oleh sebab salah nyata tersebut, **Kami** tidak akan menerbitkan atau memperbaharui Polisi ini.

Sekiranya Polisi ini tidak sah atau dibatalkan menurut Fasal 6.1 ini, liabiliti **Kami** akan dihadkan kepada pembayaran balik premium yang telah dibayar tanpa faedah, ditolak sebarang hutang kepada **Kami** di bawah Polisi ini.

10.2 Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dilakukan oleh **Anda** berkaitan dengan sebarang jawapan atau pendedahan dalam Borang Cadangan dan pengakuan **Anda** adalah salah nyata yang cuai atau tanpa niat, tetapi oleh sebab salah nyata tersebut, **Kami** menerbitkan atau memperbaharui Polisi ini dengan terma dan syarat yang berbeza, **Kami** boleh:-

- mengubah sebarang terma dan syarat Polisi ini dan menganggap Polisi ini seolah-olah ia telah diterbitkan atau diperbaharui mengikut terma dan syarat yang berbeza; dan
- sebagai tambahan kepada Fasal 6.2(a), mengurangkan amaun yang perlu dibayar untuk tuntutan secara berkadaran menurut dasar **Kami** yang berkaitan pada masa material.

11. Membuat Tuntutan

- Semua tuntutan mesti dibuat melalui **Anda** dan sekiranya berlaku kematian **Anda**, ia hendaklah dibuat oleh wakil peribadi sah **Anda**.
- Anda** mesti memberitahu **Kami** dalam masa tiga puluh (30) hari dari sebarang **Kemalangan**, kehilangan atau kerosakan. Kegagalan untuk memberitahu **Kami** dalam had masa di atas tidak akan membatalkan tuntutan jika **Anda** boleh memuaskan hati **Kami** bahawa adalah tidak munasabah untuk memberikan notis sedemikian dalam masa yang ditetapkan.
- Setelah menerima notis tersebut, **Kami** akan memberikan kepada **Anda** borang tuntutan biasa **Kami** untuk dilengkapi dengan butiran penuh tentang **Kemalangan**, kehilangan atau kerosakan dan, atas perbelanjaan **Anda** sendiri, mengembalikannya kepada Kami dengan bukti dokumen seperti laporan polis, laporan perubatan, bil asal, anggaran untuk pembaikan, keratan tiket, tag bagasi dan laporan lain yang mungkin Kami perlukan secara munasabah untuk menilai tuntutan.
- Anda** mesti menghantar kepada **Kami**, sebarang surat, tuntutan, atau saman atau komunikasi lain untuk melakukan tuntutan sebaik sahaja **Anda** menerimanya daripada pihak ketiga dan **Anda** tidak boleh membalas atau menjawab perkara yang sama tanpa kebenaran bertulis **Kami** terlebih dahulu.
- Anda** atau **Orang Yang Diinsuranskan** tidak boleh mengaku, menafikan, berunding atau menyelesaikan tuntutan melainkan dengan kebenaran bertulis **Kami**.
- Anda** harus, pada bila-bila masa yang mungkin, menyimpan barangan yang rosak supaya **Kami** boleh memeriksanya dan sekiranya **Kami** membuat pembayaran untuknya atau menggantikan barangan yang rosak tersebut, ia akan menjadi milik **Kami**.
- Sekiranya berlaku **Kematian Akibat Kemalangan** bagi **Orang Yang Diinsuranskan**, melainkan ia dilarang oleh undang-undang, **Kami** berhak untuk menjalankan sebarang pemeriksaan bedah siasat atas perbelanjaan **Kami** sendiri sebelum membuat sebarang pembayaran **Jumlah Diinsuranskan** di bawah Polisi ini.

Dokumen-dokumen yang Diperlukan Untuk Tuntutan

Manfaat	Jenis Tuntutan	Dokumen/Tindakan yang Diperlukan
Semua	Semua Tuntutan	- Borang Tuntutan (boleh diperolehi di laman web Kami di www.greateasterngeneral.com) - Borang kemudahan kredit langsung (boleh diperolehi di laman web Kami di www.greateasterngeneral.com) - Bahagian atas penyata bank yang menunjukkan butiran akaun.
Termasuk yang berikut jika berkenaan:		

Manfaat 1 hingga Manfaat 3	Kematian akibat Kemalangan / Hilang Upaya Kekal	- Laporan bedah siasat atau Laporan perubatan (untuk tuntutan kematian) - Sijil Kematian (untuk tuntutan kematian) - Laporan polis mengenai Kemalangan berkenaan - Kad Pengenalan Penama/Penuntut dan Bukti hubungan (untuk tuntutan kematian) - Surat Pentadbiran/Perintah Pembahagian (sekiranya tiada penamaan atau penama berumur bawah 18 tahun (untuk tuntutan kematian) - Laporan pakar perubatan yang mengesahkan hilang upaya kekal dan peratusan ketidakupayaan.
Manfaat 4 hingga Manfaat 6	Perbelanjaan Perubatan/ Rawatan Perubatan Susulan di Malaysia/ Perubatan Alternatif	- Laporan perubatan atau nota diagnosis yang menyatakan Kecederaan/Penyakit - Bil perubatan asal - Resit pembayaran asal - Jadual perjalanan atau Pas masuk (sekiranya rawatan perubatan tidak dicari di luar negara)
Manfaat 7	Pemindahan & Penghantaran Pulang bagi Perubatan Kecemasan	Hubungi EA untuk bantuan
Manfaat 8	Penghantaran Pulang Jenazah	Hubungi EA untuk bantuan
Manfaat 9 & Manfaat 10	Lawatan Ihsan / Penjagaan Kanak-Kanak	- Resit asal untuk penginapan dan perbelanjaan perjalanan yang ditanggung. - Salinan penyata bil hospital yang menyatakan tempoh kemasukan hospital (sekiranya Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital) - Laporan perubatan (sekiranya Orang yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital) - Sijil Kematian (sekiranya untuk kematian Orang yang Diinsuranskan) - Laporan bedah siasat terperinci (sekiranya untuk kematian Orang yang Diinsuranskan)
Manfaat 11	Kehilangan Deposit atau Pembayaran akibat Ejen Pelancongan Melarikan Diri atau Bankrap	- Jadual Perjalanan - Resit asal untuk pembayaran perjalanan - Laporan Polis - Surat dari Jabatan Insolvensi yang mengesahkan status Ejen Pelancongan
Manfaat 13	Kesulitan Perjalanan	
	A. Kelewatan Penerbangan	- Pengesahan bertulis daripada syarikat penerbangan awam mengenai tempoh kelewatan penerbangan (dalam jam) - Jadual penerbangan yang menunjukkan tarikh dan waktu perlepasan - Pas masuk yang menunjukkan tarikh dan waktu sebenar perlepasan
	B. Kelewatan bagasi	- Laporan Ketaklaziman Barangan yang dikeluarkan oleh syarikat penerbangan awam - Nota penghantaran semula bagasi atau pengesahan bertulis tempoh kelewatan bagasi dari syarikat penerbangan awam - Resit asal pembelian barangan keperluan kecemasan
	C. Perbelanjaan Pemendekan Perjalanan D. Pembatalan Perjalanan	- Ejen pelancongan/dokumen-dokumen syarat & terma syarikat penerbangan awam - Surat daripada ejen pelancongan yang mengesahkan jumlah bayaran balik (sekiranya tiada bayaran balik, sila nyatakan sebab dan/atau kemukakan bukti penafian dari badan-badan berkaitan) atau pengesahan bertulis dari syarikat penerbangan awam

		mengenai jumlah bayaran balik. • Invois asal dan resit bayaran yang mengesahkan jumlah penuh pembayaran
	E. Terlebi Tempahan Perjalanan	• Pengesahan bertulis dari syarikat pernebbangan awam mengenai terlebih tempahan dan tarikh dan waktu bagi penerbangan gantian • Jadual perjalanan yang menunjukkan tarikh dan waktu perlepasan • Pas masuk yang menunjukkan tarikh dan waktu sebenar perlepasan
	F. Perjalanan Melalui Laluan Lain	• Pengesahan bertulis dari syarikat pernebbangan awam mengenai pengambilan laluan lain, dan sebab pengambilan laluan lain tersebut, dan waktu sebenar ketibaan di destinasi yang dijadualkan • Jadual perjalanan yang menunjukkan tarikh dan waktu ketibaan yang dijadualkan. • Pas masuk yang menunjukkan tarikh dan waktu sebenar perlepasan
Manfaat 14	Kehilangan Dokumen Perjalanan & Wang Peribadi	• Laporan polis terperinci mengenai keadaan kehilangan, barangan yang hilang dan jumlah kehilangan • Keterangan Orang yang Diinsuranskan mengenai kejadian sebenar (sekiranya laporan polis itu dibuat dalam bahasa asing) • Resit asal untuk kos yang ditanggung untuk menggantikan paspot/visa/tiket penerbangan yang hilang (khusus untuk kehilangan dokumen perjalanan) • Slip pengeluaran ATM atau penyata bank atau slip-slip pertukaran mata wang asing (untuk kehilangan wang) keterangan mengenai item, tahun dan kos pembelian
Manfaat 15	Kehilangan Bagasi / Barang Peribadi	• Laporan Ketaklaziman Barangan yang dikeluarkan oleh syarikat penerbangan awam • Surat pengesahan dari syarikat penerbangan awam mengenai kehilangan yang berlaku dan tawaran pampasan (untuk bagasi dan barangan peribadi yang didaftar masuk dengan syarikat penerbangan awam) • Laporan polis terperinci mengenai keadaan kehilangan (untuk bagasi dan barangan peribadi yang didaftar masuk dengan syarikat penerbangan awam) • Keterangan Orang yang Diinsuranskan mengenai kejadian sebenar (sekiranya laporan polis itu dibuat dalam bahasa asing) • Surat permintaan yang meletakkan tanggungjawab kepada hotel ke atas kehilangan dan foto yang menunjukkan kerosakan dialami (sekiranya kehilangan berlaku di dalam bilik hotel) • Salinan resit pembelian atau penyata tuntutan yang mempunyai keterangan mengenai barangan, tahun dan kos pembelian
Manfaat 16	Kehilangan Kad Kredit OCBC	• Laporan polis • Surat pengesahan dari Bank OCBC
Manfaat 17	Kesulitan akibat Rampasan	• Laporan polis • Laporan kejadian dari syarikat pengangkutan

Manfaat 18	Perluasan Perubatan	
	A. Elaun Hospital	• Nota diagnosis dari doktor yang merawat di luar negara yang menyatakan jenis Kecederaan/Penyakit • Salinan penyata bil hospital yang menunjukkan tempoh dimasukkan ke hospital
	B (i) Elaun Kuarantin Akibat Pandemik Influenza – Luar Malaysia B (ii) Elaun Kuarantin Akibat Pandemik Influenza – Dalam Malaysia	• Surat dari Pihak Berkuasa Kesihatan yang mengesahkan mengenai kuarantin • Bil hospital yang terperinci • Laporan perubatan dari doktor/Pegawai Perubatan yang merawat
Manfaat 19	Perlindungan Golf	
	A. Kehilangan atau kerosakan peralatan golf/kayu golf/beg golf/bola golf	• Laporan kejadian dikeluarkan oleh pihak berkenaan • Resit pembelian • Bil asal pembaikan atau penggantian • Foto-foto kerosakan yang dialami
	B. Kepatahan kayu Golf Milik Orang yang Diinsuranskan semasa bermain atau berlatih di padang golf	• Surat pengesahan dari padang golf mengenai kejadian • Resit pembelian • Bil asal pembaikan dan penggantian • Foto-foto kerosakan yang dialami
	C. Pukulan <i>Hole In One</i> semasa • Hari Biasa • Kejohanan Golf	• Surat pengesahan dari padang golf mengenai kejadian • Kad Markah
Manfaat 20	Perlindungan Aktiviti Sukan Lasak	
	A. Kematian akibat Kemalangan / Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	• Laporan bedah siasat atau Laporan perubatan (untuk tuntutan kematian) • Sijil Kematian (untuk tuntutan kematian) • Laporan polis mengenai Kemalangan berkenaan • Kad Pengenalan Penama/Penuntut dan Bukti hubungan (untuk tuntutan kematian) • Surat Pentadbiran/Perintah Pembahagian (sekiranya tiada penamaan atau penama berumur bawah 18 tahun (untuk tuntutan kematian) • Laporan pakar perubatan yang mengesahkan hilang upaya kekal dan peratusan ketidakupayaan.
	B. Perbelanjaan Perubatan	• Laporan perubatan atau nota diagnosis yang menyatakan Kecederaan/Penyakit • Bil perubatan asal • Resit pembayaran asal • Jadual perjalanan atau Pas masuk (sekiranya rawatan perubatan tidak dicari di luar negara)
	C. Kerosakan peralatan akibat Kemalangan	• Resit pembelian • Resit asal atau bil penggantian
Manfaat 21	Perlindungan Liabiliti Peribadi & Ekses Sewa Kereta	
	A. Liabiliti Peribadi	• Surat permintaan dari pihak ketiga • Keterangan Orang yang Diinsuranskan mengenai keadaan kehilangan • Laporan perubatan untuk kecederaan yang dialami (untuk tuntutan Kecederaan) • Bil-bil dan resit-resit perubatan asal (untuk tuntutan kecederaan) • Salinan resit pembelian atau bil asal

		pembaikan/penggantian (untuk tuntutan barang yang rosak) • Foto-foto kerosakan yang dialami
	B. Perlindungan Ekses Sewa Kereta	• Kontrak Sewa Kereta • Laporan polis • Polisi insurans kereta persendirian • Resit asal pembaikan
Manfaat 22	Manfaat Kandungan Isi Rumah	
	A. Kehilangan atau kerosakan Kandungan Isi Rumah akibat kebakaran atau kecurian yang disertai dengan kemasukkan secara kekerasan dan keganasan	• Laporan polis terperinci mengenai kehilangan berkenaan • Laporan pihak Bomba (jika disebabkan oleh kebakaran) • Salinan resit pembelian barangan yang rosak atau resit asal pembaikan/bil penggantian • Jadual polisi Kandungan Rumah/ Pemilik Rumah yang berkait dengan kerugian tersebut • Surat penyelesaian dari syarikat insurans lain untuk polisi Kandungan Rumah/ Pemilik Rumah
	B. Kehilangan Wang akibat Kecurian	• Slip pengeluaran ATM atau penyata bank yang menunjukkan pengeluaran wang tersebut • Laporan polis

12. Pencalonan

Anda boleh mencalonkan individu untuk menerima wang Polisi yang perlu dibayar apabila kematian **Anda**. Penama yang dinamakan dalam borang pencalonan atau sebarang pindaan masa hadapan yang dibuat oleh **Anda**, akan menerima manfaat kematian mengikut peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** boleh membatalkan atau menukar penama pada bila-bila masa dengan memberikan borang pencalonan kepada **Kami**. Borang pencalonan mesti diterima dan didaftarkan oleh **Kami** semasa hayat **Anda** sebelum sebarang kerugian berlaku. Pembatalan dan pertukaran penama akan berkuat kuasa dari tarikh **Kami** menerima penamaan baharu.

13. Timbang Tara

Semua perselisihan yang timbul daripada Polisi ini akan dirujuk kepada keputusan Penimbang Tara yang akan dilantik secara bertulis oleh **Anda** dan **Kami**. Jika tiada persetujuan untuk melantik seorang Penimbang Tara, maka dua orang Penimbang Tara akan dilantik secara bertulis, seorang oleh **Anda** dan seorang lagi oleh **Kami**, dalam tempoh satu bulan selepas perselisihan tersebut. Sekiranya berlaku percanggahan pendapat antara Penimbang Tara, seorang Pengadil akan dilantik oleh kedua-dua Penimbang Tara secara bertulis sebelum mendengar kes yang dirujuk. Seseorang Penimbang Tara atau kedua-dua Penimbang Tara dan/atau Pengadil mesti membuat keputusan sebelum **Anda** boleh memulakan prosiding undang-undang terhadap **Kami**.

14. Syarat Pengeluaran Portfolio

Kami berhak untuk membatalkan portfolio secara keseluruhan jika **Kami** memutuskan untuk menghentikan pengunderaitan produk insurans ini. Pembatalan portfolio secara keseluruhan akan diberikan sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari notis bertulis kepada **Anda** dan **Kami** akan menghentikan semua polisi sehingga tamat tempoh perlindungan dalam portfolio.

15. Had Masa

Kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar tuntutan yang dibuat selepas tamatnya tempoh dua belas (12) bulan dari berlakunya **Kemalangan**, kehilangan atau kerosakan. Selain itu, jika **Kami** menolak liabiliti untuk sebarang tuntutan, **Anda** mesti merujuk tuntutan kepada timbang tara dalam tempoh dua belas (12) bulan mulai tarikh penolakan **Kami**. Jika **Anda** tidak berbuat demikian, maka tuntutan itu akan, untuk semua tujuan, dianggap telah digugurkan dan tidak boleh dipulihkan semula selepas itu di bawah Polisi ini.

16. Undang-undang Yang Berkuat Kuasa

Polisi ini ditadbir oleh dan mesti ditafsirkan menurut Undang-undang Malaysia.

17. Fasal Tunai Sebelum Perlindungan

Kontrak insurans ini mempunyai syarat asas yang khas dan mutlak bahawa premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh **Kami** sebelum perlindungan bermula. Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, maka Polisi ini terbatal dan tidak sah secara automatik. **Kami** berhak untuk menolak sebarang perlindungan dan/atau menolak sebarang tuntutan yang berpunca daripada tiada pembayaran premium kepada **Kami**.

18. Cukai Kerajaan

Sila maklum bahawa premium Polisi ini adalah tertakluk pada cukai Kerajaan yang berkuat kuasa sepanjang tempoh Polisi ini. Tanggungjawab **Anda** untuk membayar cukai Kerajaan yang berkuat kuasa akan menjadi sebahagian daripada terma dan syarat Polisi ini.

19. Perlindungan Berganda

Sekiranya **Anda** dilindungi di bawah lebih daripada satu polisi Insurans Perjalanan yang ditaja jamin oleh **Kami** untuk **Perjalanan** yang sama, **Kami** hanya akan membenarkan tuntutan di bawah polisi yang menyediakan **Jumlah Diinsuranskan** tertinggi.

20. Fasal Pengecualian Mutlak Kerugian Siber

1. Walau apa pun peruntukan yang bertentangan dalam polisi insurans ini, polisi insurans ini tidak termasuk sebarang Kerugian Siber.
2. Kerugian Siber bermaksud sebarang kerugian, kerosakan, liabiliti, perbelanjaan, denda atau penalti atau apa-apa jumlah lain secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh:
 - 2.1 penggunaan atau pengendalian mana-mana Sistem Komputer atau Rangkaian Komputer;
 - 2.2 pengurangan atau kehilangan keupayaan untuk menggunakan atau mengendalikan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data;
 - 2.3 akses kepada, pemprosesan, penghantaran, penyimpanan atau penggunaan mana-mana Data;
 - 2.4 ketidakupayaan untuk mengakses, memproses, menghantar, menyimpan atau menggunakan sebarang Data;
 - 2.5 sebarang ancaman atau sebarang penipuan berkaitan kepada 2.1 hingga 2.4;
 - 2.6 sebarang kesusialan atau ketinggalan atau kemalangan berkenaan dengan mana-mana Sistem Komputer, Rangkaian Komputer atau Data.
3. Sistem Komputer bermaksud mana-mana komputer, perkakasan, perisian, aplikasi, proses, kod, program, teknologi maklumat, sistem komunikasi atau peranti elektronik yang dimiliki atau dikendalikan oleh Pihak Diinsuranskan atau mana-mana pihak lain. Ini termasuk mana-mana sistem yang serupa dan sebarang input, output atau peranti storan data atau sistem, peralatan rangkaian atau kemudahan sandaran yang berkaitan.
4. Rangkaian Komputer bermaksud sekumpulan Sistem Komputer dan peranti elektronik lain atau kemudahan rangkaian yang disambungkan melalui satu bentuk teknologi komunikasi, termasuk internet, intranet dan rangkaian persendirian maya (VPN), membenarkan peranti pengkomputeran rangkaian bertukar Data.
5. Data bermaksud maklumat yang digunakan, diakses, diproses, dihantar atau disimpan oleh Sistem Komputer.

21. Had Sekatan dan Fasal Pengecualian (SANC)

Syarikat tidak akan dianggap menyediakan perlindungan dan tidak akan menerima sebarang bayaran di bawah Polisi; atau bertanggungjawab untuk membayar sebarang amaun (termasuk bayaran tuntutan, bayaran balik premium, bayaran penyerahan atau pembatalan); atau menyediakan sebarang manfaat di bawah Polisi; setakat mana penyediaan perlindungan tersebut, pembayaran sejumlah wang atau penyediaan manfaat tersebut akan mendedahkan **Syarikat** kepada sebarang sekatan, larangan atau pengehadan di bawah mana-mana undang-undang dan/atau peraturan, yang ditadbir oleh mana-mana pihak berkuasa kerajaan, pengawal selia atau badan kompeten, atau mana-mana penguat kuasa undang-undang di mana-mana negara.

22. Pengecualian Penyakit Berjangkit semasa PHEIC

Polisi ini tidak melindungi tuntutan dalam apa jua cara yang disebabkan oleh atau akibat daripada penyakit berjangkit, di mana wabaknya telah diisytiharkan sebagai Kecemasan Kesihatan Awam bagi Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Pengecualian ini hendaklah terpakai kepada tuntutan yang dibuat selepas tarikh mana-mana pengisytiharan sedemikian, selain daripada diagnosis yang berkaitan telah dibuat oleh **Pengamal Perubatan** yang berkeelayakan sebelum tarikh apa-apa pengisytiharan tersebut.

Pengecualian ini akan terus digunakan sehingga WHO membatalkan atau menarik balik mana-mana PHEIC yang berkaitan.

Penyakit berjangkit bermaksud sebarang penyakit yang boleh berjangkit daripada orang, haiwan atau spesies yang dijangkiti kepada orang, haiwan atau spesies lain melalui sebarang cara.

MENGEMUKAKAN ADUAN DAN RUNGUTAN

BAGAIMANA MEMBUAT ADUAN?

Anda boleh merujuk sebarang aduan mengenai sebarang perkara berkaitan insurans kepada Unit Pengendalian Aduan **Kami** untuk penyelesaian secara baik sebelum merujuk kepada Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS) atau BNMLINK/BNMTELELINK, Bank Negara Malaysia (BNM). Untuk menyelesaikan aduan, adalah penting untuk **Anda** memberikan **Kami** sebanyak mungkin maklumat semasa menghubungi **Kami**, seperti nama penuh, alamat, nombor telefon, nombor Polisi dan jenis aduan **Anda**.

Berikut ialah butiran perhubungan Unit Pengendalian Aduan **Kami**:-

Unit Pengendalian Aduan

GREAT EASTERN GENERAL INSURANCE (MALAYSIA) BERHAD
Tingkat 18, Menara Great Eastern, 303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur
No. Telefon : 03-4259 7828
E-mel : gicare-my@greateasterngeneral.com

PERKHIDMATAN OMBUDSMAN PASARAN KEWANGAN (DAHULU DIKENALI SEBAGAI OMBUDSMAN UNTUK PERKHIDMATAN KEWANGAN) ATAU BANK NEGARA MALAYSIA

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan maklum balas atau keputusan Unit Pengendalian Aduan **Kami**, **Anda** boleh mengemukakan aduan sama ada kepada FMOS dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh keputusan akhir Unit Pengendalian Aduan **Kami**, atau kepada BNM, Bank Negara Malaysia (BNM). Sila semak dengan Unit Pengendalian Aduan **Kami** mengenai cara yang wajar untuk menangani aduan **Anda**. Berikut ialah butiran perhubungan FMOS atau BNM:-

Pihak Berkuasa	Perkhidmatan Ombudsman Pasaran Kewangan (FMOS)	BNMLINK/BNMTELELINK, Bank Negara Malaysia (BNM)
Alamat	Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur	Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (BNMLINK) (Pusat Khidmat Pelanggan Jumpa Terus) Tingkat Bawah, Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur. Pusat Perhubungan (BNMTELELINK) Jabatan Komunikasi Korporat, Bank Negara Malaysia P.O. Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.
No Telefon	03-2272 2811	1-300-88-5465 (Luar Negara: 603-2174 1717)
No Faks	-	03-2174 1515
E-mel	-	bnmteletelink@bnm.gov.my
Laman Web	www.fmos.org.my	